

**D.R. 20/2010**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009.

[ ]

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Pindaan) 2010.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Perdana Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 3**

**2.** Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [*Akta 695*] dipinda dalam seksyen 3 dalam takrif “hakim-hakim mahkamah atasan”, dengan memasukkan selepas perkataan “ertinya” perkataan “pesuruhjaya kehakiman,”.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (“Akta 695”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Perdana Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda takrif “hakim-hakim mahkamah atasan” dalam seksyen 3 Akta 695 untuk memasukkan pesuruhjaya kehakiman dalam ruang lingkup Akta 695.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2717]